




CAWANGAN KEJURUTERAAN MEKANIKAL
IBU PEJABAT JKR MALAYSIA
KUALA LUMPUR

BAHAGIAN PAKAR PERALATAN PENGANGKUTAN DAN KEJURUTERAAN BENDALIR



PANDUAN TEKNIK *RETROFITTING* SISTEM LIF



CAWANGAN KEJURUTERAAN MEKANIKAL

PANDUAN TEKNIK *RETROFITTING* SISTEM LIF

© Hak Cipta Terpelihara

Tiada bahagian dalam penerbitan ini boleh diterbitkan semula, diedarkan atau dihantar dalam apa juga bentuk atau dengan apa-apa cara tanpa izin/kebenaran dari Cawangan Kejuruteraan Mekanikal, Jabatan Kerja Raya (JKR).

Terbitan Pertama | November 2020

JKR 20500-0075-20

Diterbitkan oleh:

JABATAN KERJA RAYA MALAYSIA,
Cawangan Kejuruteraan Mekanikal,
Ibu Pejabat JKR Malaysia,
Tingkat 24-28, Menara Kerja Raya,
Jalan Sultan Salahuddin,
50480 Kuala Lumpur,
Malaysia.

KATA ALU-ALUAN

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera,



Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan izin-Nya dapat saya merakamkan sepatah dua kata di dalam Panduan Teknik *Retrofitting* Sistem Lif ini yang julung kali diterbitkan oleh Cawangan Kejuruteraan Mekanikal, Ibu Pejabat JKR.

Panduan teknik ini merupakan antara inisiatif ke arah peningkatan berterusan mutu pelaksanaan projek *retrofitting*, khususnya sistem lif. Pelaksanaan projek *retrofitting* adalah rumit dan kompleks. Antara cabaran utama adalah ia perlu dilaksanakan dalam bangunan sedia ada yang berpenghuni dan beroperasi, dengan gangguan terhadap penghuni perlu diminimumkan. Pelbagai aspek juga perlu diambil kira serta dipertimbangkan dalam pelaksanaannya seperti keselamatan, integriti struktur bangunan, integrasi sistem lif dengan lain-lain sistem, keperluan terkini pihak berkuasa, perundangan dan pelanggan.

Menyedari cabaran tersebut, panduan teknik ini diwujudkan bagi memberi panduan mengenai tatacara penilaian dan penentuan skop projek secara sistematik, menyeluruh serta seiring dengan perkembangan teknologi yang terkini. Ini merupakan elemen yang kritikal dalam memastikan kejayaan pelaksanaan sesebuah projek *retrofitting* yang memenuhi kehendak dan harapan pelanggan.

Akhir kata, saya ingin merakam setinggi-tinggi penghargaan dan mengucapkan tahniah kepada ahli jawatankuasa dan semua pihak yang telah bertungkus-lumus dalam penghasilan buku panduan teknik ini. Syabas!

Sekian, terima kasih

DATO' Ir. HAJI HABBALI BIN IBRAHIM

Pengarah Kanan

Cawangan Kejuruteraan Mekanikal

Ibu Pejabat JKR Malaysia

Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong

AKRONIM

AC VVVF	<i>Alternating Current Variable Voltage Variable Frequency Drive</i>
ARD	<i>Automatic Rescue Device</i>
BOMBA	Jabatan Bomba dan Penyelamat
CIBSE	<i>Chartered Institution of Building Services Engineers</i>
CKAS	Cawangan Kejuruteraan Awam dan Struktur
CKE	Cawangan Kejuruteraan Elektrik
CKM	Cawangan Kejuruteraan Mekanikal
COP	<i>Car Operating Panel</i>
CP	<i>Competent Person</i>
EBOPS	<i>Emergency Battery Operated Power Supply</i>
FYK	Firma Yang Kompeten
HODT	<i>Head of Design Team</i> (Ketua Pasukan Rekabentuk)
HOPT	<i>Head of Project Team</i> (Ketua Pasukan Projek)
HTM	<i>Health Technical Memorandum</i>
JKKP	Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan
JKR	Jabatan Kerja Raya
JMPK	Jurutera Mekanikal Penguasa kanan
KKH	Kos Kitaran Hayat
LMR	<i>Lift Machine Room</i>
MICC	<i>Mineral Insulated Copper Cable</i>
MRL	<i>Machine Roomless</i>
OEM	<i>Original Equipment Manufacturer</i>
PVC	<i>Polyvinyl Chloride</i>
SBO	<i>Sarawak Building Ordinance</i>
UBBL	<i>Uniform Building By Law</i> (Undang – Undang Kecil Bangunan Seragam)

Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong

ISI KANDUNGAN

1.0 PENGENALAN.....	7
1.1 Latar Belakang	7
1.2 Definisi <i>Retrofitting</i>	8
1.3 Objektif	9
2.0 PEMAKAIAN PANDUAN TEKNIK	9
3.0 PEMATUHAN KEPADA PERUNDANGAN, PIAWAIAN DAN GARIS PANDUAN	9
3.1 Akta Kilang dan Jentera 1967 - Peraturan Kilang dan Jentera (Lif Elektrik untuk Penumpang -penumpang dan Barang-barang), 1970.....	9
3.2 Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 (OSHA 1994)	10
3.3 Akta Warisan Kebangsaan, 2015	10
3.4 <i>Sarawak Building Ordinance</i> (SBO) 1994.....	10
3.5 Undang-undang Kecil Bangunan Seragam, 1984 (UBBL 1984).....	11
3.6 Surat Arahan dan Pekeliling	11
3.7 MS EN 81-20:2017 – <i>Safety Rules For The Construction and Installation Of Lifts – Lifts For The Transport Of Persons And Goods - Part 20: Passenger And Goods Passenger Lifts (Second Revision)</i>	11
3.8 MS 1184:2014 – <i>Universal Design And Accessibility In The Built Environment - Code Of Practice (Second Revision)</i>	12
3.9 MS 1525:2014 - <i>Energy Efficiency And Use Of Renewable Energy For Non-Residential Buildings - Code Of Practice</i>	12
3.10 Piawaian JKR Bagi Jangka Hayat Aset Infrastruktur dan Aset Kejuruteraan..	12
3.11 <i>Guide To Fire Protection In Malaysia, 2006</i>	12
3.12 Garis Panduan Dan Peraturan Bagi Perancangan Bangunan (Edisi Tahun 2015).....	12
3.13 <i>Health Technical Memorandum</i> (HTM) 08-02.....	13
3.14 <i>The Chartered Institution of Building Services Engineers (CIBSE) Guide D - Transportation Systems in Buildings: 2015</i>	13
3.15 Garis Panduan Pemilihan Lif Jenis <i>Machine Roomless</i> (MRL) CKM.....	13
3.16 Garis Panduan Rekabentuk Sistem Lif CKM	13
3.17 Garis Panduan Penyelenggaraan Sistem Lif CKM	14
3.18 Garis Panduan Kos Kitaran Hayat Aset JKR	14

4.0 CARTA ALIR MELAKSANAKAN KHIDMAT NASIHAT TEKNIKAL (PEMERIKSAAN SISTEM LIF).....	15
5.0 PEMERIKSAAN DAN PENILAIAN TAPAK.....	16
5.1 Maklumat Awalan	16
5.2 Tatacara Pemeriksaan.....	17
6.0 KRITERIA PEMILIHAN KERJA <i>RETROFITTING</i> SISTEM LIF	21
6.1 Kriteria Bagi <i>Modernisation</i>	21
6.2 Kriteria Bagi Penggantian Baharu.....	23
7.0 SKOP <i>MODERNISATION</i> DAN PENGGANTIAN.....	24
7.1 Skop <i>Modernisation</i>	24
7.2 Skop Penggantian Baharu	25
7.3 Anggaran Kos <i>Retrofitting</i>	26
7.4 Lain-Lain Skop Kerja Berkaitan	27
7.5 Pemilihan Bahan Dan Kemasan	28
8.0 RUJUKAN	30
 LAMPIRAN I : Contoh Borang Maklumat Awalan	32
LAMPIRAN II : Contoh Borang Pemeriksaan Lif.....	33
LAMPIRAN III : Contoh Laporan Pemeriksaan Lif	34
LAMPIRAN IV : Contoh Skop Kerja <i>Modernisation</i>	35
LAMPIRAN V : Contoh Skop Kerja Penggantian Baharu	36
LAMPIRAN VI : Kategori Bangunan dan Jadual Kemasan Lif	37

1.0 PENGENALAN

1.1 Latar Belakang

Permohonan dan aduan bagi pemeriksaan lif sedia ada daripada agensi kerajaan/ kementerian/ jabatan pada masa kini semakin meningkat. Antara permasalahan yang kerap diterima adalah lif kerap rosak, lif kerap *trip*, kos pembaikan yang tinggi, lif tidak lagi berfungsi, kerap berlaku *lift mantrap* dan sebagainya.

Hasil daripada pemeriksaan yang dijalankan mendapati antara penyumbang utama berlakunya keadaan ini adalah:

- (i) kontraktor penyelenggaraan lif yang dilantik tidak menjalankan obligasi kontrak;
- (ii) penyelenggaraan lif tidak dilaksanakan oleh pihak yang berkelayakan/kompeten seperti ditetapkan oleh Akta Kilang dan Jentera, 1967;
- (iii) tiada penyelenggaraan/ tiada kontrak penyelenggaraan lif diwujudkan seperti yang ditetapkan Akta Kilang dan Jentera, 1967;
- (iv) pemunya lif tidak peka/ faham sepenuhnya mengenai tanggungjawab kontraktor dan pemunya berkaitan penyelenggaraan lif di bawah Akta Kilang dan Jentera, 1967; dan
- (v) lif tidak lagi ekonomi untuk terus diselenggara kerana telah uzur dan ketiadaan alat ganti di pasaran.

Oleh yang demikian, cadangan penyelesaian atau penambahbaikan perlu disyorkan oleh Cawangan Kejuruteraan Mekanikal kepada pihak pelanggan bagi memastikan perkhidmatan lif yang selamat, selesa serta memenuhi keperluan perundangan semasa dapat disediakan. Antara cadangan yang disyorkan adalah *retrofitting* sistem lif sedia ada atas pertimbangan:

- (i) peningkatan tahap keselamatan dan keselesaan (*ride comfort*) sistem lif
- (ii) kecekapan tenaga melalui penggunaan peralatan lebih cekap tenaga
- (iii) mesra alam dengan menerapkan elemen *green technology*
- (iv) jaminan alat ganti di pasaran

- (v) kos penyelenggaraan tidak lagi ekonomi
- (vi) usia telah melebihi jangka hayat yang disyorkan oleh Piawaian JKR bagi Jangka Hayat Aset Infrastruktur Dan Aset Kejuruteraan dan *Chartered Institution of Building Services Engineers (CIBSE)*.

1.2 Definisi *Retrofitting*

Secara umum, *retrofitting* didefinisikan sebagai sebarang kerja penambahbaikan ke atas sistem sedia ada. Ia bertujuan untuk menambah baik sistem sedia ada dari segi fungsi, keselamatan, kecekapan tenaga, prestasi, kebolehoperasian dan kebolehsenggaraan. Antara definisi *retrofitting* berdasarkan rujukan lain adalah:

“To install (new or modified parts or equipment) in something previously manufactured or constructed” - *Cambridge Dictionary*.

“To put new parts or new equipment in it after it has been in use for some time, especially to improve its safety or make it work better” - *Collins English Dictionary*.

Dalam konteks panduan teknik ini, *retrofitting* bagi sistem lif merujuk kepada kerja penggantian baharu dan/ atau *modernisation* lif di bangunan sedia ada. *Modernisation* dan penggantian baharu lif boleh ditakrifkan seperti berikut:

- (i) *Modernisation* – menaik taraf sistem lif sedia ada kepada sistem yang lebih baik merangkumi aspek keselamatan, keselesaan, spesifikasi dan teknologi yang terkini. Secara umumnya, komponen utama yang terlibat adalah *lift controller, drive unit, shaft information system, safety switches, safety device, car door operator* dan kemasinan lif.
- (ii) Penggantian baharu – menggantikan keseluruhan sistem lif sedia ada kepada sistem lif baharu dengan spesifikasi yang lebih baik dan terkini.

Selain daripada dua (2) kategori kerja di atas, ianya dirujuk sebagai kerja pembaikan.

1.3 Objektif

Panduan teknik ini bertujuan:

- (i) Menyediakan panduan kepada kakitangan CKM dalam melaksanakan pemeriksaan dan penilaian sistem lif.
- (ii) Menjadi rujukan kepada kakitangan CKM dalam menyediakan dokumen tender dan sebutharga sistem lif.
- (iii) Memastikan penyeragaman dalam melaksanakan proses penentuan skop kerja *retrofitting* di bangunan sedia ada melalui pemeriksaan yang menyeluruh di tapak, penyediaan laporan dan anggaran kos kerja.

2.0 PEMAKAIAN PANDUAN TEKNIK

Panduan teknik ini terpakai untuk kerja *retrofitting* sistem lif di bangunan sedia ada bagi projek kerajaan persekutuan yang dilaksanakan oleh CKM JKR Malaysia dan perlu dibaca bersama Garis Panduan Pelaksanaan Projek Menaiktaraf (*Retrofitting*) Sistem Mekanikal Dalam Bangunan.

3.0 PEMATUHAN KEPADA PERUNDANGAN, PIAWAIAN DAN GARIS PANDUAN

Panduan Teknik *Retrofitting* Sistem Lif ini perlu dirujuk bersama dan mematuhi perundangan, akta, peraturan, piawaian, surat arahan/ pekeliling dan garis panduan terkini yang berkuatkuasa serta terpakai untuk sistem lif seperti berikut:

3.1 Akta Kilang dan Jentera 1967 - Peraturan Kilang dan Jentera (Lif Elektrik untuk Penumpang -penumpang dan Barang-barang), 1970

Peruntukan perundangan berkenaan rekabentuk, pembinaan, pemasangan dan pengujian mengikut peraturan. Rujuk:

- (i) *Part I: General, Regulation 1-6.*
- (ii) *Part II: Design, Construction, Installation And Tests, Regulations 7-30.*

3.2 Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 (OSHA 1994)

Peruntukan perundangan berkenaan kewajipan am perekabentuk, pengilang dan pembekal mengikut akta. Rujuk:

Bahagian V: Kewajipan Am Perekabentuk, Pengilang Dan Pembekal, Seksyen 20-21.

3.3 Akta Warisan Kebangsaan, 2015

- Pengubahsuaian dan penambahan adalah memasang sebarang peralatan atau perkakas baharu bagi fungsi perkhidmatan dalam bangunan seperti pemasangan penghawa dingin, lif, pendawaian elektrik dan termasuklah tambahan fungsi baharu bangunan seperti anjung letak kereta, cermin/ kaca pada bukaan.
- Pengubahsuaian dan penambahan mestilah tidak mengubah bentuk dan fungsi asal bangunan dan menggunakan bahan binaan yang nampak harmoni dengan keseluruhan rupa bangunan dari segi warna dan rekabentuk. Rujuk Garis Panduan Pemuliharaan Bangunan Warisan 2012, klausa 2.3.13.
- Pegawai perlu merujuk Cawangan Arkitek atau cawangan yang berkaitan bagi perkara ini.

3.4 Sarawak Building Ordinance (SBO) 1994

- (i) Klausa 101: *Lifts*
- (ii) Klausa 130: *Protected shafts*
- (iii) Klausa 131: *Ventilation to lift shafts*
- (iv) Klausa 132: *Openings in lift shafts*
- (v) Klausa 133: *Smoke detectors for lift lobbies*
- (vi) Klausa 233: *Emergency power supply to lifts, etc. by separate sub-circuits*
- (vii) Klausa 236: *Fire lifts*
- (viii) Klausa 247 (3): *Emergency power system*

3.5 Undang-undang Kecil Bangunan Seragam, 1984 (UBBL 1984)

Peruntukan perundangan berkenaan dengan keperluan lif dan keperluan pemasangan mengikut *By-law*. Rujuk:

- (i) *Part VI: Construction Requirements, By-law 124*
- (ii) *Part VII: Fire Requirements, By-law 151-155*

3.6 Surat Arahan dan Pekeliling

3.6.1 Surat Arahan/ Pekeliling Ketua Pengarah Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP), iaitu:

- (i) Pindaan Ke Atas Plat Kapasiti Di Dalam Lif Kar Bagi Lif Elektrik Penumpang Mengikut Jumlah Sebenarnya Penumpang Dengan Mengambil Kira Berat Bahagian Dalam Lif Kar Yang Telah Diubahsuai; JKPP IS 127/14/2/ Klt. 3 (72), bertarikh 12 Januari 2002.
- (ii) Pemasangan Pengadang/ Pagar Keselamatan Di Atas Setiap Lif Kar, Sekeliling *Sheave* dan Lantai Lif (*Pit*) Yang Berkongsi; JKPP BP 127/14/2/ Klt. 4 (20), bertarikh 26 Ogos 2004.
- (iii) Pemasangan '*Car Locking Device*' (CLD); JKPP IS 127/8/1- Klt. 23(20), bertarikh 6 Januari 2017.

3.6.2 Surat Arahan/ Pekeliling Ketua Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat (BOMBA) no. ruj JBPM/IP/BKK:700-2/6/1Jld. 7 bertarikh 20 Julai 2017: Keperluan insulasi bagi lif *landing door*.

3.7 MS EN 81-20:2017 – *Safety Rules For The Construction and Installation Of Lifts – Lifts For The Transport Of Persons And Goods - Part 20: Passenger And Goods Passenger Lifts (Second Revision)*

Piawaian berkenaan peraturan-peraturan keselamatan penumpang dan lif penumpang/ barang dengan tujuan untuk melindungi orang¹ dan objek² terhadap risiko kemalangan berkaitan pengguna, penyenggaraan dan keadaan kecemasan lif. Rujuk Klausula 1-7.

¹ - Pengguna, pemeriksa dan penyenggara & orang di luar lif dan dalam bilik jentera ² - Muatan lif, komponen lif dan bangunan
Cawangan Kejuruteraan Mekanikal, Ibu Pejabat JKR Malaysia, Kuala Lumpur

3.8 MS 1184:2014 – *Universal Design And Accessibility In The Built Environment - Code Of Practice (Second Revision)*

Piawaian penyediaan lif elektrik untuk Orang Kelainan Upaya (OKU).

Rujuk Klausa 15: Lif.

3.9 MS 1525:2014 - *Energy Efficiency And Use Of Renewable Energy For Non-Residential Buildings - Code Of Practice*

Kod amalan penyediaan lif elektrik. Rujuk:

- (i) Klausa 4.6: *Natural Ventilation*
- (ii) Klausa 6.2: *General Principles of Efficient Lighting Practice*
- (iii) Klausa 6.3: *Maximum Allowable Power Intensity for Illumination Systems*
- (iv) Klausa 7: *Electric Power and Distribution*

3.10 Piawaian JKR Bagi Jangka Hayat Aset Infrastruktur dan Aset Kejuruteraan

Kandungan piawaian ini meliputi aspek berikut: asas penentuan jangka hayat aset, jadual jangka hayat aset tak alih dan jadual jangka hayat aset alih. Piawaian ini boleh dijadikan asas dalam menentukan susut nilai dan pengiraan Kos Kitaran Hayat Aset.

3.11 *Guide To Fire Protection In Malaysia, 2006*

Panduan ini merupakan rujukan bagi keperluan Lif Bomba.

- (i) Bahagian 4.3: *Walls And Floors*
- (ii) Bahagian 16: *Lift*

3.12 Garis Panduan Dan Peraturan Bagi Perancangan Bangunan (Edisi Tahun 2015)

Panduan Penyediaan Lif Elektrik. Rujuk Bab B: Perkhidmatan Sistem Dalam, Bahagian B1.0.

3.13 Health Technical Memorandum (HTM) 08-02

- Dokumen ini menyediakan nasihat dan panduan menyeluruh berkaitan perancangan, rekabentuk, pemasangan, pengujian & pentauliahan serta penyelenggaraan lif yang khusus untuk “Bangunan Bagi Sektor Kesihatan”.
- Rujuk *Section 2: Design Considerations*.

3.14 The Chartered Institution of Building Services Engineers (CIBSE) Guide D - Transportation Systems in Buildings: 2015.

- Dokumen ini diiktiraf dan diterbitkan oleh *The Chartered Institution of Building Services Engineers* (CIBSE).
- Kandungan dokumen ini komprehensif yang meliputi aspek berikut: peredaran dalaman, perancangan dan rekabentuk, pemilihan peralatan dan prestasi, program komputer, jenis sistem, perundangan, kebakaran dan keselamatan, keperluan untuk orang kelainan upaya, komponen lif, kawalan trafik lif, eskalator dan laluan pejalan kaki bergerak (pembawa penumpang), penggunaan tenaga, sistem elektrik dan keadaan persekitaran.

3.15 Garis Panduan Pemilihan Lif Jenis *Machine Roomless* (MRL) CKM

- Menetapkan kriteria yang perlu dipertimbangkan dalam pemilihan lif jenis *Machine Roomless* (MRL) bagi projek baharu dan bangunan sedia ada.
- Rujuk Garis Panduan Pemilihan Lif Jenis *Machine Roomless* (MRL): (27) JKR/(CKM) 010-7/10/39, bertarikh 9 Disember 2016.

3.16 Garis Panduan Rekabentuk Sistem Lif CKM

Kandungan dokumen ini meliputi aspek berikut: pemakaian garis panduan, pematuhan kepada perundangan, rekabentuk sistem lif dalam bangunan baharu dan sedia ada, pemilihan bahan dan kemasan, anggaran kos, maklumat tambahan dan lukisan piawai sistem lif.


3.17 Garis Panduan Penyelenggaraan Sistem Lif CKM

Kandungan dokumen ini menekankan aspek-aspek penting dalam melaksanakan penyelenggaraan lif yang merangkumi tatacara pemeriksaan, pengujian, rekod dan tanggungjawab pihak yang terlibat.

3.18 Garis Panduan Kos Kitaran Hayat Aset JKR

Garis panduan ini meliputi aspek berikut: perundangan dan pekeliling berkaitan, proses pelaksanaan Kos Kitaran Hayat (KKH), kaedah pengiraan KKH, proses pengiraan KKH dan lampiran yang berkaitan.

4.0 CARTA ALIR MELAKSANAKAN KHIDMAT NASIHAT TEKNIKAL (PEMERIKSAAN SISTEM LIF)



Nota: Proses kerja di atas terpakai untuk CKM IPJKR. Lain-lain jabatan/cawangan/unit perlu merujuk proses kerja di organisasi/pejabat masing-masing.

5.0 PEMERIKSAAN DAN PENILAIAN TAPAK

Pemeriksaan lif perlu dilaksanakan bagi menentukan keadaan semasa lif dan tapak sebelum skop dan kos kerja *retrofit* ditentukan.

5.1 Maklumat Awalan

Bagi tujuan pemeriksaan, antara maklumat yang perlu diperolehi daripada pihak pelanggan terlebih dahulu adalah seperti berikut:

- (i) Pemilik atau pengendali lif
- (ii) Sijil Perakuan Kelayakan Mesin Angkat (PMA) yang terkini
- (iii) Sebarang notis/ ulasan daripada JKPP (contoh: notis penutupan atau surat amaran)
- (iv) *As-built drawing*
- (v) Rekod penyenggaraan dan pembaikan lif (penyenggaraan bulanan dan *Second Schedule*)
- (vi) Rekod naik taraf lif
- (vii) Buku log lif (merekodkan aktiviti berkaitan lif seperti penyelenggaraan, pembaikan, insiden atau sebagainya)
- (viii) Buku log JKPP (khas untuk lif atau semua jentera yang berkaitan)
- (ix) Manual operasi dan penyelenggaraan
- (x) Maklumat pengurus bangunan (nama, jawatan dan nombor telefon)

Maklumat di atas adalah diperlukan sebagai dokumen sokongan untuk membantu dalam membuat pemeriksaan. Borang maklumat awalan seperti di **Lampiran I** boleh dikemukakan kepada pelanggan bagi mendapatkan butiran lanjut yang diperlukan.


5.2 Tatacara Pemeriksaan

Tatacara pemeriksaan di tapak adalah seperti berikut:

- (i) Pemeriksa/ pegawai yang menjalankan pemeriksaan tapak perlu memastikan perkara berikut diberi perhatian:
 - a) Sihat untuk melaksanakan pemeriksaan.
 - b) Memakai pakaian dan peralatan perlindungan diri yang bersesuaian, tetapi tidak terhad kepada yang dipaparkan berikut:



Gambar 5.1: Contoh pakaian dan peralatan perlindungan diri untuk pemeriksaan bagi lelaki.



Gambar 5.2: Contoh pakaian dan peralatan perlindungan diri untuk pemeriksaan bagi perempuan.

- c) Membawa peralatan pemeriksaan seperti *laser measurement meter*, *gap gauge meter*, *vernier caliper*, *lux meter*, *rope tensioner meter*, *air flow meter*, kamera, lampu suluh dan sebagainya yang berkaitan.
- (ii) Buat pemeriksaan terhadap keadaan fizikal dan operasi lif berdasarkan Borang Pemeriksaan Lif (*Lift Inspection Form*) seperti **Lampiran II**. Pemeriksaan lif perlu dibuat bersama *Competent Person* (CP) daripada Firma Yang Kompeten (FYK) lif yang menyenggara lif tersebut.
- (iii) Jika pemeriksaan tidak dapat dilaksanakan atas kekangan tertentu, seperti lif tidak lagi berfungsi, bahaya untuk diperiksa, tiada CP kerana tiada kontrak penyenggaraan diikat dengan mana-mana FYK, atau atas alasan yang lain, maklumat awalan seperti di perkara 5.1 boleh digunakan sebagai rujukan bagi menilai keadaan lif.

- (iv) Sekiranya tiada sebarang maklumat yang boleh dirujuk dan pemeriksaan juga tidak dapat dijalankan, buat semakan dengan JKKP atau pengeluar asal lif berkenaan untuk mendapatkan maklumat yang diperlukan menggunakan butiran PMA lif berkenaan.
- (v) Jika perlu, pelanggan hendaklah melantik syarikat pengeluar asal atau menyediakan peruntukan untuk JKR melantik syarikat pengeluar asal bagi membantu membuat penilaian terhadap keadaan lif dalam keadaan berikut:
 - a) tiada kontraktor penyenggaraan lif;
 - b) *lift car* tidak boleh diakses;
 - c) *lift shaft* tidak boleh di akses; dan
 - d) komponen elektronik hilang atau tidak boleh diuji kerana telah rosak.
- (vi) Jika pemeriksaan yang dijalankan mendapati ada keperluan untuk melibatkan skop kerja daripada lain-lain disiplin (contoh: struktur, elektrik, arkitek dan geoteknik), pemeriksaan ulangan bersama disiplin yang berkaitan perlu diatur. Laporan daripada disiplin berkenaan perlu diperolehi bagi memastikan cadangan skop kerja kepada pelanggan adalah lengkap dan komprehensif. Laporan perlu merangkumi sekurang-kurangnya penemuan di tapak, cadangan skop kerja (termasuk skop disiplin lain jika berkaitan), anggaran kos dan jadual perancangan pelaksanaan.

5.3 Laporan Pemeriksaan Dan Penilaian Tapak

Laporan pemeriksaan dan penilaian tapak mesti mengandungi perkara berikut:

- (i) Ringkasan eksekutif
 - Menerangkan secara ringkas keseluruhan laporan yang merangkumi tujuan, hasil pemeriksaan, rumusan dan cadangan.

- (ii) Pendahuluan
 - Menerangkan secara ringkas latar belakang pemeriksaan, bangunan dan lif.
- (iii) Objektif
 - Matlamat pemeriksaan dan penilaian yang dilakukan.
- (iv) Skop pemeriksaan
 - Menerangkan secara terperinci skop dan limitasi/ batasan pemeriksaan.
- (v) Pasukan pemeriksa
 - Pegawai yang menjalankan pemeriksaan tapak.
- (vi) Metodologi
 - Kaedah yang digunakan semasa melakukan pemeriksaan di tapak.
- (vii) Penemuan dan ulasan
 - Hasil penemuan berserta ulasan dikemukakan sama ada dalam bentuk jadual, gambar, statistik atau sebagainya.
- (viii) Rumusan
 - Kesimpulan daripada hasil penemuan dan ulasan yang dikemukakan.
- (ix) Pengesyoran
 - Cadangan yang dikemukakan oleh pasukan pemeriksa berdasarkan hasil penemuan.
 - Anggaran kos cadangan yang dikemukakan.
 - Cadangan jadual pelaksanaan dan unjuran kewangan.
- (x) Lampiran
 - Dokumen sokongan jika ada.

Contoh Laporan Pemeriksaan Lif seperti di **Lampiran III**.

6.0 KRITERIA PEMILIHAN KERJA *RETROFITTING* SISTEM LIF

Bagi menentukan skop dan kos kerja *retrofitting* sistem lif, penilaian secara menyeluruh perlu dijalankan dengan menggunakan Borang Pemeriksaan Lif (**Lampiran II**) untuk membuat pertimbangan bagi skop kerja berkaitan. Berikut adalah skop kerja *retrofitting* sistem lif yang boleh dipertimbangkan:

- (i) *modernisation*
- (ii) penggantian baharu

Sekiranya hasil penilaian mendapati kerosakan sistem lif tidak melibatkan skop kerja di atas, maka kerja pembaikan boleh dicadangkan.

6.1 Kriteria Bagi *Modernisation*

6.1.1 ***Modernisation*** terhadap sistem lif boleh dipertimbangkan apabila memenuhi semua kriteria dari item (a) hingga (d) seperti berikut:

- a) Usia/ Jangka hayat sistem lif adalah kurang dari 15 tahun (Rujukan Piawaian JKR Bagi Jangka Hayat Aset Infratraktur dan Aset Kejuruteraan).
- b) Kos *modernisation* adalah antara 25% hingga 50% daripada anggaran kos terkini penggantian baharu lif.
- c) Komponen mekanikal utama seperti disenaraikan di bawah masih dalam keadaan baik atau memerlukan pembaikan kecil sahaja.
 - (i) *Traction machine* merangkumi motor, *gearbox*, *main drive sheave* dan sistem brek.
 - (ii) *Car* dan *counterweight guide rail*.
 - (iii) *Car* dan *counterweight buffer*.
 - (iv) *Landing door* merangkumi *interlock system*, *mechanism*, *door track* dan *door hanger*.
 - (v) Peranti keselamatan utama seperti *overspeed governor* dan *safety gear*.
 - (vi) Struktur *lift car* merangkumi rangka utama, panel pintu, panel dinding, rantai dan *crosshead*.

- d) Jaminan semua komponen mekanikal sistem lif masih dikeluarkan untuk sekurang-kurangnya 10 tahun akan datang oleh *Original Equipment Manufacturer* (OEM)/ pembekal asal lif.

6.1.2 Syarat-syarat tambahan bagi kerja di atas perlu memenuhi sekurang-kurangnya salah satu kriteria berikut:

- a) Komponen elektronik utama seperti *lift controller*, *drive unit* dan komponen elektronik sokongan (*shaft information system*, *encoder*, *car operating panel*, *hall call button* dan sebagainya) telah usang, tidak lagi dikeluarkan atau tiada lagi sokongan teknikal (perlu ada pengesahan bertulis daripada OEM/ pembekal asal lif); atau
- b) Terdapat keperluan akta/piawaian terkini yang perlu/ boleh ditambah baik seperti *Unintended Car Movement Protection Device* (UCMP), *Ascending Car Overspeed Protection Device*, *Rope gripper*, *Automatic Rescue Device* (ARD) dan sebagainya.

PERINGATAN

Berdasarkan kepada prosedur semasa oleh JKKP, kebenaran memasang perlu dipohon oleh Firma Yang Kompeten (FYK) lif daripada Jabatan Keselamatan dan Kesihatan (JKKP) Ibu Pejabat bagi kerja *modernisation* yang hendak dijalankan.

Jika kerja *modernisation* dijalankan oleh FYK lif yang merupakan prinsipal asal kepada lif tersebut, perakuan pengilang perlu dikemukakan kepada JKKP.

Jika kerja *modernisation* dijalankan oleh FYK lif yang bukan prinsipal asal lif tersebut, surat perakuan/ pengesahan daripada Orang Yang Kompeten (OYK) Gred 1 dan Pengarah Urusan FYK lif berkenaan yang menyatakan bahawa kerja *modernisation* telah dijalankan dengan teliti mengikut keperluan koda rekabentuk serta akan bertanggungjawab bagi setiap kerja yang dijalankan perlu dikemukakan kepada JKKP.

6.2 Kriteria Bagi Penggantian Baharu

6.2.1 Penggantian keseluruhan sistem lif boleh dipertimbangkan apabila memenuhi semua kriteria (a) hingga (d) seperti berikut:

- a) Usia/ Jangka hayat sistem lif telah mencapai/ melebihi 15 tahun (Rujuk *Chartered Institution of Building Services Engineers* (CIBSE) dan Piawaian JKR Bagi Jangka Hayat Aset Infrastruktur Dan Aset Kejuruteraan).
- b) Komponen mekanikal utama lif telah rosak atau tahap kerosakan sukar/ tidak boleh dinilai atau pembaikan melibatkan kos yang tinggi.
- c) Komponen mekanikal sistem lif telah *obsolete* (perlu ada pengesahan bertulis daripada OEM/ pembekal asal lif).
- d) Anggaran kos pembaikan/ *modernisation* melebihi 50% daripada anggaran kos terkini penggantian baharu lif.

6.2.2 Manakala syarat-syarat tambahan bagi kerja di atas perlu memenuhi sekurang-kurangnya salah satu kriteria berikut:


- a) Komponen elektronik utama seperti *lift controller*, *drive unit* dan komponen elektronik sokongan (*shaft information system*, *encoder*, *car operating panel*, *hall call button* dan sebagainya) telah usang, tidak lagi dikeluarkan atau tiada lagi sokongan teknikal (perlu ada pengesahan bertulis daripada OEM/ pembekal asal lif); atau
- b) Perubahan fungsi seperti lif barang kepada lif penumpang atau sebagainya; atau
- c) Terdapat keperluan perubahan spesifikasi lif sedia ada seperti kelajuan, saiz kapasiti dan sebagainya berdasarkan permohonan pelanggan atau analisa JKR (contoh: trafik analisis, keperluan akta/ piawaian dan sebagainya).

7.0 SKOP *MODERNISATION* DAN PENGGANTIAN

7.1 Skop *Modernisation*

Skop kerja bagi *modernisation* lif bergantung kepada pemeriksaan dan penilaian lif di tapak. Oleh itu, adalah menjadi tanggungjawab pegawai JKR menentukan skop kerja bersesuaian berdasarkan hasil penilaian tersebut di samping lain-lain keperluan yang ditetapkan oleh pelanggan. Penentuan skop untuk *modernisation* perlu dimuktamadkan selepas pemeriksaan dijalankan. Berikut ialah antara cadangan/ contoh skop kerja yang boleh dijadikan panduan bagi kerja *modernisation* lif. Namun begitu, skop kerja yang muktamad bergantung kepada keadaan lif yang diperiksa dan keperluan/ kehendak pelanggan bagi setiap projek.

Secara umumnya, skop utama kerja *modernisation* adalah seperti berikut:



RAJAH 7.1 : Contoh pemilihan untuk *modernisation*

- a) *New lift controller and ACVVVF drive system complete with ancillary (i.e., encoder, shaft information system, safety switches, travelling cables, etc).*
- b) *New hall call panel with braille feature, hall lantern and indicator complete with ancillary if necessary (hall lantern only for 3 or more car grouping).*
- c) *New finishes inclusive of landing door, car door and ancillaries.*
- d) *New car door operator completes with ACVVVF control system and ancillary.*
- e) *New Car Operating Panel (COP) with braille feature complete with ancillary.*
- f) *New car and counterweight guide shoes/ roller.*
- g) *New car top inspection box/ panel complete with ancillary.*
- h) *Emergency Battery Operated Power Supply (EBOPS)*
- i) *Automatic Rescue Device (ARD)*
- j) *Junction box*
- k) *Other worn out/ defective mechanical part (i.e., wire rope, main drive sheave, governor rope, brake lining, etc).*

7.2 Skop Penggantian Baharu

Penggantian lif di bangunan sedia ada lebih rumit berbanding kerja *modernisation*. Ini kerana keseluruhan komponen lif akan ditanggalkan dan diganti baharu. Oleh itu pelbagai aspek perlu diambil kira dan diberi pertimbangan. Berikut antara perkara penting yang perlu diambilkira:

- a) Integriti struktur khususnya di *Lift Machine Room (LMR)*, *shaft*, *lift pit*, *landing door opening* dan sebagainya.
- b) Kestabilan bekalan kuasa elektrik untuk sistem lif.
- c) Keperluan perundangan dan pihak berkuasa seperti JKPP, BOMBA, Suruhanjaya Tenaga dan sebagainya.
- d) Kerja-kerja *waterproofing lift pit* dan LMR termasuk bumbung dan kawasan sekitarnya.

- e) Keperluan membaiki/ menaiktaraf LMR supaya memenuhi keperluan yang ditetapkan oleh perundangan.
- f) Isu dan permasalahan sedia ada yang menjejaskan peralatan/ operasi lif seperti lobi lif terdedah kepada air hujan, *lift pit* dimasuki air disebabkan berlaku banjir/ limpahan air (kebiasaannya di *basement*), vandalisme, penyalahgunaan lif, aliran trafik lif yang terlalu tinggi (buat *traffic analysis* jika perlu) dan sebagainya.
- g) Operasi bangunan dan lif sedia ada.
- h) Ketersediaan ruang untuk menempatkan komponen-komponen yang telah dileraikan, komponen baru dan akses ke ruang kerja.
- i) Proses pelupusan lif/ komponen lama.

Sila rujuk **Lampiran IV** (contoh skop kerja *modernisation*) dan **Lampiran V** (contoh skop kerja penggantian baharu) termasuk skop kerja utama serta lain-lain kerja berkaitan.

7.3 Anggaran Kos *Retrofitting*

Anggaran harga boleh diperolehi melalui sumber berikut:

- (i) *Original Equipment Manufacturer* (OEM) lif
- (ii) Kontraktor lif
- (iii) Pangkalan data harga lif CKM
- (iv) Sumber lain

Di dalam menyediakan anggaran harga, maklumat asas berikut perlu diambil kira:

- (i) Jenis lif
- (ii) Bilangan aras perkhidmatan
- (iii) Kapasiti lif (muatan/ saiz lif)
- (iv) Kelajuan lif
- (v) Kemasan lif
- (vi) Lokasi pemasangan lif
- (vii) Lain-lain faktor yang berkaitan seperti kesukaran pemasangan, kekangan masa, ruang kerja dan keperluan khusus oleh pelanggan.

Faktor berikut juga perlu diambil kira dalam merekabentuk dan menentukan anggaran keseluruhan kos:

- (i) Kerja sivil
- (ii) Kerja struktur
- (iii) Kerja arkitek
- (iv) Kerja elektrik
- (v) Keperluan khusus
- (vi) Kaedah perolehan
- (vii) Kesegeraan pemasangan
- (viii) Lain-lain perkara yang berkaitan

7.4 Lain-Lain Skop Kerja Berkaitan

Di samping kerja-kerja berkaitan sistem lif, terdapat skop kerja lain yang perlu juga diambil kira dalam pelaksanaan projek khususnya, bagi projek *modernisation* dan penggantian baharu lif. Antara skop kerja yang mungkin terlibat adalah seperti:

7.4.1 Kerja-Kerja Awam dan Struktur

Pegawai pemeriksa JKR perlu mendapatkan khidmat nasihat teknikal daripada pihak Cawangan Kejuruteraan Awam dan Struktur (CKAS) untuk menentukan skop muktamad dan anggaran kos kerja awam dan struktur yang terlibat di tapak. Antara kerja yang berkaitan ialah seperti berikut:

- a) Semakan integriti struktur lantai LMR dan *lift shaft* dan *structural opening*.
- b) Pengubahsuaian struktur sedia ada seperti membuat bukaan pada lobi untuk memasang *landing door* tambahan.
- c) Pemasangan *hoisting beam* jika tidak disediakan pada struktur asal LMR atau di dalam *lift shaft* (bagi lif jenis MRL).
- d) Kerja-kerja *water proofing* di *lift pit*, *lift shaft* dan LMR sekiranya didapati berlaku kebocoran.
- e) Kerja-kerja pembaikan struktur sedia ada yang telah rosak.

7.4.2 Kerja-kerja Elektrik

Pegawai pemeriksa JKR perlu mendapatkan khidmat nasihat teknikal daripada pihak Cawangan Kejuruteraan Elektrik (CKE) untuk menentukan skop muktamad dan anggaran kos kerja elektrik yang terlibat di tapak. Antara kerja yang berkaitan ialah seperti berikut:

- a) Naik taraf *main power supply cable* (dari MSB ke LMR) sebagai contoh dari kabel jenis *Mineral Insulated Copper Cable* (MICC) kepada *PVC/ PVC armoured cable*. Skop ini perlu mendapat pengesahan daripada CKE.
- b) Lain-lain keperluan yang disyorkan oleh CKE bagi tujuan pematuhan kepada perundangan sedia ada yang berkuatkuasa.

7.5 Pemilihan Bahan Dan Kemasan

Penetapan jenis bahan dan kemasan mengikut kategori Bangunan Kerajaan **(Lampiran VI)** adalah berdasarkan kepada Garis Panduan Rekabentuk Sistem Lif.

Cadangan kemasan standard bagi sistem lif mengikut kategori bangunan adalah seperti berikut:

- (i) *Operating panels* – **Rujuk Lampiran VI: Jadual B.9**
- (ii) Kemasan dalaman – **Rujuk Lampiran VI: Jadual B.10**
- (iii) *Hall/ landing entrances* – **Rujuk Lampiran VI: Jadual B.11**

Pemilihan kemasan lif adalah tidak terhad kepada yang disenaraikan dalam jadual yang dinyatakan di atas, tetapi bergantung kepada konsep rekabentuk bangunan, kesesuaian penggunaan dan kelulusan pelanggan/ Pegawai Penguasa mengikut kos yang diperuntukkan. Ini bagi mendapatkan faedah yang optimum daripada perbelanjaan yang dikeluarkan.

Sekiranya pelanggan memerlukan kemasan dalaman khusus yang lain daripada kemasan standard, ia perlulah dirujuk kepada *Head Of Design Team* (HODT) Arkitek. Perincian rekabentuk dan perolehan kemasan dalaman tersebut perlu diasingkan dari kos pemasangan sistem lif dan diletakkan di bawah kos kemasan dalaman.

8.0 RUJUKAN

1. Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 (OSHA 1994).
2. Akta Kilang dan Jentera 1967 - Peraturan Kilang dan Jentera (Lif Elektrik untuk Penumpang-penumpang dan Barang-barang), 1970.
3. Akta Warisan Kebangsaan, 2015.
4. *British Council for Offices Guide*, 2014.
5. Garis Panduan dan Peraturan bagi Perancangan Bangunan (Edisi Tahun 2015).
6. Garis Panduan Pelaksanaan Projek Menaiktaraf (*Retrofitting*) Sistem Mekanikal Dalam Bangunan.
7. Garis Panduan Pemilihan Lif Jenis *Machine Roomless* (MRL), Cawangan Kejuruteraan Mekanikal, 2016.
8. Garis Panduan Penyelenggaraan Sistem Lif, Cawangan Kejuruteraan Mekanikal, 2017.
9. Garis Panduan Rekabentuk Sistem Lif, Cawangan Kejuruteraan Mekanikal 2018.
10. *Guide to Fire Protection in Malaysia*, 2006.
11. *Health Technical Memorandum* (HTM) 08-02.
12. *Mechanical System Design And Installation Guidelines For Architects And Engineers*, 2017.
13. MS 1184:2014 – *Universal Design And Accessibility In The Built Environment - Code Of Practice (Second Revision)*.
14. MS 1525:2014 - *Energy Efficiency And Use Of Renewable Energy For Non-Residential Buildings - Code of Practice*.
15. MS EN 81-20:2017 – *Safety Rules for The Construction and Installation Of Lifts – Lifts for The Transport of Persons and Goods – Part 20: Passenger and Goods Passenger Lifts (Second Revision)*.
16. Pekeliling Ketua Pengarah JKKP Bilangan 1 Tahun 2002 - JKKP IS 127/14/2/Klt. 3 (72).
17. Pekeliling Ketua Pengarah JKKP Bilangan 6 Tahun 2004 - JKKP BP 127/14/2/Klt. 4 (20).
18. Penarafan Hijau MyCREST/pH JKR.
19. *Sarawak Building Ordinance* (SBO) 1994.

20. Surat Arahan Ketua Pengarah JKPP, Pemasangan '*Car Locking Device*' (*CLD*); JKPP IS 127/8/1- Klt. 23(20) bertarikh 6 Januari 2017.
21. Surat Arahan/ Pekeliling Ketua Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat (BOMBA), no. ruj. JBPM/IP/BKK:700-2/6/1Jld 7 bertarikh 20 Julai 2017: Keperluan insulasi bagi lif *landing door*.
22. *The Chartered Institution of Building Services Engineers (CIBSE) Guide D - Transportation Systems in Buildings*: 2015.
23. Undang-undang Kecil Bangunan Seragam, 1984 (UBBL 1984).

LAMPIRAN I :

Contoh Borang Maklumat Awalan

BORANG MAKLUMAT AWALAN

NAMA BANGUNAN/PROJEK						
NEGERI						
USIA BANGUNAN						
JENIS BANGUNAN	KUARTERS	PEJABAT		LAIN-LAIN		
LOKASI						
BILANGAN LIF						
KAPASITI (Kg/ORANG)						
KELAJUAN (m/s)						
JENAMA LIF						
USIA LIF						
STATUS SEMASA LIF	BEROPERASI	_____ BIL LIF	BEROPERASI	_____ BIL LIF	BEROPERASI	_____ BIL LIF
	TIDAK BEROPERASI	_____ BIL LIF	TIDAK BEROPERASI	_____ BIL LIF	TIDAK BEROPERASI	_____ BIL LIF
KONTRAKTOR PENYENGGARA LIF /FIRMA YANG KOMPETEN (FYK)	ADA / TIADA JIKA ADA, SILA NYATAKAN NAMA SYARIKAT DAN PEGAWAI YANG BOLEH DIHUBUNGI: NAMA SYARIKAT : PEGAWAI UNTUK DIHUBUNGI : NO. TELEFON :					
PENGURUS BANGUNAN / PEGAWAI BERTANGGUNGJAWAB	NAMA: _____ NO TELEFON: _____					
DOKUMEN	AS BUILT DRAWING	BUKU LOG LIF	BUKU LOG JKKP	REKOD PENYENGGARAAN	MANUAL OPERASI & PENYENGGARAAN (O&M)	PERAKUAN KELAYAKAN MESIN ANGKAT (PMA) TERKINI
	ADA/TIADA	ADA/TIADA	ADA/TIADA	ADA/TIADA	ADA/TIADA	ADA/TIADA
LAIN-LAIN MAKLUMAT (SILA NYATAKAN)						

* Sila gunakan borang lain jika ruangan tidak mencukupi

LAMPIRAN II :

Contoh Borang Pemeriksaan Lif



CAWANGAN KEJURUTERAAN MEKANIKAL, IBU PEJABAT JKR MALAYSIA

LIFT INSPECTION FORM

BUILDING	
NAME AND ADDRESS OF THE OWNER	
MAINTENANCE CONTRACTOR (FYK)	
LOCATION OF THE LIFT	
LIFT NUMBER	
DATE OF INSPECTION	

Note: Inspection must be carried out with competent person (CP) or trained personnel in lift system.

Condition: [G=Good, NR=Need Repair, NU=Need Upgrade, B=Bad, NA=Not Available, Y=Yes, N=No]

No.	Item	Condition	Other remark
1.0	LIFT MOTOR ROOM (LMR)		
1.1	Door to LMR securely locked	Y/N	
1.2	Signage at LMR door	Y/N	
1.3	Safe access to LMR (step ladder, cat ladder)	G/NR/NU/B/NA	
1.4	Housekeeping/cleanliness	Y/N	
1.5	Lighting system	G/NR/NU/B/NA	
1.6	Ventilation system (exhaust fan/air conditioning)	G/NR/NU/B/NA	
1.7	Fire extinguisher ABC	Y/N	
1.8	Fire extinguisher CO2	Y/N	
1.9	Fire protection system (detectors)	Y/N	
1.10	Conduits, trunking and earthing	G/NR/NU/B/NA	
1.11	Floor opening guarding	G/NR/NU/B/NA	
1.12	Safe access to all equipment (adequate railing height, toe guard, safety precautions, ladder, etc.)	G/NR/NU/B/NA	
1.13	Machine sheave and rope guarding	G/NR/NU/B/NA	
1.14	Anti-jump bar (distance ≤ 0.5 rope diameter)	Y/N	
1.15	Machine securely supported and fixed in position	G/NR/NU/B/NA	
1.16	Machine and motor	G/NR/NU/B/NA	
1.17	All equipment correctly labeled	Y/N	
1.18	Suspension ropes	G/B	
1.19	Main sheave, secondary & deflector sheave groove	G/B	
1.20	Machine gearbox (if geared type)	G/B/NR	
1.21	Governor rope	G/B	
1.22	Overspeed governor mechanism and switch	G/B	
1.23	Rope termination	G/B	
1.24	Controller (inclusive drive unit)	G/NR/NU/B	
1.25	Lift switchboard (SPD, cables condition, etc.)	G/NR/NU/B	
1.26	Incoming power supply (sub MSB, rated amps)	Please specify	
1.27	Type of incoming cable (MICC, fire rated cable, etc.)	Please specify	
1.28	EBOPS	Y/N	
1.29	ARD	G/B/NA	
1.30	Essential power supply for lift (if ARD not provided)	Y/N	
1.31	Handwinding device/manual brake releaser	Y/N	
1.32	Log book	Y/N	

No.	Item	Condition	Other remark
1.33	Painting	G/B/NU	
1.34	Water ingress to LMR	Y/N	
1.35	Hoisting beam	G/B/NU	
1.36	Structural defects (wall, floor, beam and column crack)	Please specify	
1.37	None related services in LMR (piping, rain water down pipe)	Please specify	
2.0	INSIDE LIFT CAR		
2.1	COP and buttons (inclusive indicator)	G/B/NR/NU	
2.2	OKU COP	G/B/NR/NU/NA	
2.3	Alarm bell	Y/N	
2.4	Intercom system	Y/N	
2.5	Ceiling	G/B/NR/NU	
2.6	Lighting system	G/B/NR/NU	
2.7	Ventilation fan	G/B/NR/NU	
2.8	Floor and sill	G/B/NR/NU	
2.9	Car enclosure finishes	G/B	
2.10	Car door operation and condition	G/B/NR/NU	
2.11	Car door locking device	G/B/NA	
2.12	EBOPS operation	G/B/NA	
2.13	ARD operation	G/B/NA	
2.14	Voice synthesizer	G/B/NR/NA	
2.15	Car leveling (+/-5mm)	Y/N	
2.16	Load capacity plate, PMA number plate and emergency contact numbers.	Y/N	
3.0	TOP OF CAR		
3.1	Emergency switch	Y/N	
3.2	Inspection box	Y/N	
3.3	3-pin socket	Y/N	
3.4	Portable lighting system	Y/N	
3.5	Car top sheave or pulley	G/B/NA	
3.6	Counterweight sheave	G/B/NA	
3.7	Anti-jump bar (distance ≤ 0.5 rope diameter)	Y/N	
3.8	Car top railing and guarding	Y/N	
3.9	Car and counterweight roller guides/guide shoes	G/B/NR/NU	
3.10	Suspension ropes	G/B	
3.11	Emergency trap door and switch	G/B	
3.12	Shaft information system (leveling sensor)	G/B	
3.13	Limit switch (up)	G/B/NR/NU	
4.0	HOISTWAY		
4.1	Type of shaft wall (brick or reinforced concrete)	Please specify	
4.2	Water ingress to shaft	Y/N	
4.3	Lighting system	Y/N	
4.4	Conduit and trunking	Y/N	
4.5	Travelling cables	G/B/NR/NU	
4.6	Guide rails installation (size, brackets, trimmer beams, fastening, alignment)	G/B/NR/NU	
4.7	Limit switches	G/B/NR/NU	
4.8	Runby	G/B/NR	
5.0	LANDING FLOOR & LOBBY		
5.1	Unprotected lobby (indicate which floor)	Y/N	
5.2	Emergency contact numbers displayed at main lobby	Y/N	
5.3	Hall call button and floor indicator	G/B/NR/NU	
5.4	Landing door operation and condition	G/B/NR/NU	


No.	Item	Condition	Other remark
5.5	Landing door jamb	Narrow/wide	
5.6	Landing door gap ($\leq 10\text{mm}$)	Y/N	
5.7	Landing door sill	G/B/NU	
5.8	Gap between landing door sill and car sill ($\leq 30\text{mm}$)	Y/N	
5.9	Landing door interlocking / unlocking device	G/B/NU	
5.10	Lift lobby floor finishes (granite, tile, cement render)	Please specify	
5.11	Slope with suitable gradient	Y/N	
5.12	Lift adjacent wall painting	G/B/NU	
6.0	PIT		
6.1	Cat ladder condition and positioning	G/B/NR	
6.2	Water ingress to pit	Y/N	
6.3	Lighting system	Y/N	
6.4	3-pin power socket	Y/N	
6.5	Final limit switch (down)	G/B/NR/NU	
6.6	Emergency stop switches	G/B/NR/NU	
6.7	Governor rope tension device and switch	G/B/NR/NU	
6.8	Compensating rope or chain	Y/N	
6.9	Car safety gear	G/B	
6.10	Counterweight safety gear	G/B/NA	
6.11	Car and counterweight buffers	G/B/NR/NU	
6.12	Car and counterweight buffer switches	G/B	
6.13	Lift shaft guarding (for shared lift shaft)	Y/N	
6.14	Counterweight guarding	Y/N	
6.15	Oil collector container	Y/N	
7.0	RIDE COMFORT AND OPERATION		
7.1	Noise and vibration (within tolerance or acceptable)	G/B	
7.2	Jerk and smoothness	G/B	
7.3	Fire mode operation (lift homing to fire service access level)	G/B	
7.4	Fire lift operation (fireman switch and firefighting operation)	G/B	
8.0	OTHERS		
8.1	Control room	Y/N/NR/NA	
8.2	Supervisory panel (condition and location)	Y/N/NR/NU	
8.3	Storage area	Y/N	
8.4	Site/building access (Easily accessible)	Y/N	

Comment:

Inspection done by:

Name:

Date:



FLOOR	HEIGHT (mm)

Note: For building with varies floor heights


ABBREVIATION

- 1. Lift Motor Room - LMR
- 2. Ground Floor - GF
- 3. Overhead Travel - OT

Note: LMR abbreviation only meant for Lift Motor Room type lift and not for MRL type.




CAWANGAN KEJURUTERAAN MEKANIKAL, IBU PEJABAT JKR MALAYSIA




LIFT SHAFT

LIFT EQUIPMENT DETAIL

NO.	DESCRIPTION	DETAIL
1	Location of Lift	
2	Lift Number	
